

# Bila masa boleh sentuh?



Dr. Sapora  
Sipon

SENTUHAN, antara elemen yang paling banyak dijelaskan dalam merembeskan lebih banyak hormon oksitosin dalam badan manusia. Hakikatnya, sentuhan juga adalah salah satu teknik penting dalam sesi kaunseling kerana bermula dari sentuhan, klien akan lebih merasa tenang serta mampu mengatasi masalah kebimbangan gelisah serta akan lebih bersikap lebih terbuka.

Pengalaman pertama kali berjumpa kaunselor bukanlah satu pengalaman yang membolehkan klien untuk bercerita sepenuhnya. Saling tidak mengenali dan terasa asing, membuatkan klien sukar meletakkan permasalahan. Justeru, keupayaan kaunselor menggunakan kemahiran teknik kaunseling, antara salah satunya sentuhan, dikatakan mampu 'memecah' situasi ketidakpercayaan klien terhadap kaunselor sewaktu di awal pertemuan atau sesi. Itu teknik yang diajar di Barat. Apakah teknik ini boleh diaplikasikan dalam situasi adat ketimuran di negara kita?

Menjawab persoalan ini, Profesor Madya Datin Dr. Sapora Sipon, Pensyarah

Kanan Fakulti Pengurusan dan Kepimpinan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjelaskan, tidak dinafikan, sentuhan, belaian, pelukan atau apa sahaja tindakan yang membabitkan, perlakuan seumpama itu, boleh meningkatkan rasa kepercayaan antara satu sama lain.

Contohnya, seorang ibu yang memeluk anaknya, bukan sahaja menjalin hubungan yang lebih intim dalam berkomunikasi malah mengeratkan hubungan kekeluargaan. Tapi itu, membabitkan hubungan darah.

Berbeza dengan sesi kaunseling, klien dan kaunselor tiada hubungan darah. Bahkan orang luar yang tiada kena mengena. Justeru, melakukan sentuhan kepada klien untuk membuatkan klien merasa lebih selesa, perlu ada etikanya. Ujarnya, silap tindakan yang diambil akan membuatkan pelbagai prasangka lain yang akan memburukkan lagi keadaan, seperti dituduh melakukan gangguan seksual ke atas klien.

"Budaya Barat dan Timur amat berbeza. Apatah lagi apabila ia terbatas dengan perbezaan agama. Islam tidak membenarkan sentuhan berlaku di kalangan yang

bukan mahram. Apatah lagi apabila kaunselor seorang lelaki manakala klien seorang perempuan. Ia sama sekali tidak dibenarkan.

"Sekalipun klien dan kaunselor bersama jantina, ia juga perlu melihat pada situasi. Dikhuatiri, sentuhan yang dilakukan akan menimbulkan rasa trauma yang menyingkap kembali memori sejarah perjalanan kehidupan klien. Justeru, ia perlu dilakukan secara berhati-hati dan lebih baik meminta izin daripada klien terlebih dahulu," katanya yang tidak menafikan elemen sentuhan mencambahkan rasa cinta dan kasih sayang serta hubungan intim khususnya apabila ia sering dilakukan dalam kelompok keluarga.

Ujar Dr. Sapora Sipon lagi, sentuhan, belaian dan pelukan adalah satu kaedah meningkatkan rasa kepercayaan dalam diri dan mampu mempengaruhi tingkah laku seseorang. Namun hanya perlu dilakukan dalam konteks membina hubungan kekeluargaan. **A**